

# **SEJARAH PERKEMBANGAN PEMIKIRAN ISLAM DALAM KONTEKS ALAM MELAYU: IKTIBAR UNTUK ABAD AKAN DATANG**

Prof. Madya Dr. Mahayudin Hj Yahaya  
Jabatan Sejarah  
Universiti Kebangsaan Malaysia

*This article discusses the development of the teaching of sufism (mysticism) in the Malay Archipelago, and also the influence of Syi'ah in Malay thought and classical writing.*

## **Pendahuluan**

Perkembangan pemikiran Islam di rantau Alam Melayu seiring dengan sejarah kedatangan agama Islam dan penerimanya oleh masyarakat di rantau ini. Corak dan bentuk pemikiran Islam yang diterima itu pula mempengaruhi corak dan bentuk pemikiran orang Melayu sekarang dan masa akan datang.

Sebelum ketibaan agama Islam, Alam Melayu sudah pun menerima beberapa ajaran atau kepercayaan agama, bermula daripada kepercayaan ani-

misme kepada Hindu/Buddha. Kepercayaan animisme dapat dilihat dalam bentuk kepercayaan terhadap puaka atau penunggu, atau semangat yang dianggap boleh menentukan masa depan mereka. Kepercayaan animisme telah membawa kepada amalan menyembah nenek moyang.

Agama Hindu/Buddha yang dibawa ke sini tidak dapat mengubah keseluruhan kepercayaan animisme yang dahulu. Malah ia lebih menyulitkan lagi mobiliti dalam masyarakat dengan memperkenalkan sistem berkasta di dalam struktur pentadbiran masyarakat dan negara. Dari adat berkasta inilah munculnya golongan-golongan elit: seluruh rakyat menjadi hamba kepada golongan tersebut yang dianggotai oleh kaum bangsawan atau raja yang menjadi pemerintah. Jadi kalau dulunya masyarakat Melayu bebas bergerak "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi" dengan mengamalkan nilai-nilai demokrasi seperti sifat "gotong royong" dan seumpamanya, tetapi dengan ketibaan agama Hindu/Buddha, masyarakat Melayu telah dibelenggu oleh sistem feudal.

Agama Hindu juga turut memperkenalkan doktrin 'monotheisme' dan 'pantheisme' yang menyamatarafkan antara Tuhan dengan alam atau Tuhan dan alam itu esa sifatnya. Pengaruh agama Hindu memang sudah lama meresap ke dalam pemikiran masyarakat Islam. Apabila Islam diperkenalkan ke rantau Alam Melayu pengaruh agama Hindu itu turut dibawa ke sini.

Dengan berlakunya 'sinkretisme' antara kepercayaan animisme (primitif) dengan ajaran Hindu/Buddha maka lahirlah suatu pemikiran baru yang bersifat "sinkretis" di dalam masyarakat Melayu. Setelah itu tiba pula pengaruh baru dalam bentuk "mistik" yang dibawa oleh tokoh-tokoh Arab dan Parsi. Walau-pun terdapat perbezaan antara pantheisme Hindu dengan mistik orang Islam, tetapi dari segi falsafahnya seakan-akan serupa. Dengan sebab itu ia mudah diterima dan disesuaikan dengan jiwa orang Melayu.

## Kedatangan Islam

Tidak ada kata sepakat di kalangan pengkaji sejarah tentang tarikh kedatangan agama Islam ke rantau Asia Tenggara atau lebih khususnya Nusantara atau Alam Melayu: ada yang mengatakan pada abad ke-7 M., ada yang mengatakan abad ke-8 M. atau ke-9 M., dan ada pula yang mengatakan pada abad ke-13 M. Kebanyakan pengkaji dari Barat lebih cenderung untuk melewati-lewatkan tarikh ketibaan agama Islam dengan mengatakan pada abad ke-13 M. Manakala pengkaji-pengkaji dari timur yang beragama Islam pula cuba menyeberakannya hingga seawal abad ke-7 M. Ketetapan ini dibuat di dalam dua seminar "Sejarah Masuknya Islam ke Indonesia" yang berlangsung di Medan (1963) dan Aceh (1978). Kedua-dua seminar tersebut merumuskan bahawa Islam mula datang ke Alam Melayu pada abad pertama hijrah (atau ke-7 M.) sewaktu Rasulullah masih hidup lagi iaitu secara terus dari negeri Arab.

Sebelum kita menerima ataupun menolak teori itu, maka ada baiknya kalau kita melihat kembali secara rasional tentang kemunasabahan atau ketidak munasabahannya.

Jika kita menerima pendapat yang mengatakan Islam sudah sampai ke rantau ini sejak zaman Rasulullah s.a.w. bermakna bahawa corak pemikiran Islam orang Melayu sama seperti corak pemikiran orang Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabat dahulu: pemikiran Islam pada zaman itu bersifat murni dan tulen kerana berdasarkan ajaran al-Qur'an dan Sunnah tanpa dipengaruhi pemikiran asing. Akan tetapi fenomenon ini tidak wujud di Alam Melayu hingga ke hari ini. Pengaruh asing dari Greek, Rom dan Parsi mula menular ke dalam masyarakat Islam di akhir-akhir pemerintahan Khulafa' al-Rasyidin atau di permulaan pemerintahan Bani Umayyah.

Di sebaliknya, jika kita menerima pandangan orientalis yang mengatakan Islam mula sampai di Alam Melayu pada abad ke-13 M. bererti kita mengakui bahawa golongan Sunni (*Ahl al-Sunnah Wa al-Jama`ah*) yang pertama membawa Islam ke rantau ini kerana menurut teori ini pada abad ke-13 M. mazhab Syafi'i daripada aliran Sunni diakui sebagai mazhab rasmi kerajaan Aceh. Pada hal kita sedia maklum bahawa sebelum itu sudah wujud pemerintahan Islam di Samudera-Pasai dan Perlak. Dengan kata lain, Islam di Aceh itu merupakan peringkat kedua penyebaran Islam. Jadi, jika kita menerima pandangan orientalis itu bermakna kita menafikan sejarah kewujudan kedua-dua pemerintahan Islam sebelum Aceh. Bentuk pemikiran Islam bagi kedua-dua peringkat itu agak berbeza: peringkat pertama dipengaruhi aliran Syi'ah, sementara di peringkat kedua dipengaruhi aliran Sunni.

Jika kita meneliti perbahasan-perbahasan berbentuk keagamaan, terutama dalam bidang Usuluddin, yang dikemukakan dalam naskhah-naskhah Melayu lama jelas kelihatan bukan sahaja pengaruh Sunni yang ditonjolkan, tetapi juga pengaruh ajaran/mazhab lain, termasuk pengaruh Syi'ah. Di sini timbul persoalan, adakah pengaruh Syi'ah itu dibawa bersama-sama penganut-penganut mazhab Sunni atau secara berasingan?

Para pengkaji pemikiran Islam di rantau ini seolah-olah tidak mengiktiraf kewujudan pengaruh ajaran Syi'ah di dalam pemikiran orang Melayu. Justeru itu, mereka kurang prehatin atau peka terhadap sejarah kemunculan pengaruh ajaran Syi'ah di rantau ini. Mereka seolah-olah akur bahawa ajaran Islam yang mereka terima adalah ajaran Sunni kesemuanya. Keakuran ini dapat dilihat dengan jelas di dalam kitab-kitab Jawi. Begitu juga pengkaji-pengkaji zaman moden, termasuk Syed Muhammad Naquib Al-Attas di dalam karyanya *The Mysticism of Hamzah Fansuri*, cuba mempertahankan faham Wahdah al-Wujud atau **Wujudiyah** yang dipopularkan oleh Hamzah al-Fansuri. Seolah-olah beliau mengakui bahawa ajaran yang dibawa oleh Hamzah itu merupakan ajaran tasawuf Sunni tulen. Apabila Nur al-Din al-Raniri menyanggah doktrin

*Wahdah al-Wujud* beliau dianggap sebagai orang yang tidak memahami pemikiran Hamzah al-Fansuri (*The Mysticism of Hamzah Fansuri*, University of Malaya Press, Kuala Lumpur, 1970, terutama hlm. 34.). Persoalannya di sini, siapakah yang silap faham, Al-Attas atau Nur al-Din al-Raniri? (Jawapannya, sila lihat Ahmad Daudy, *Allah dan Manusia dalam Konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry*, Jakarta, 1983). Menurut Ahmad Daudy, doktrin *Wahdah al-Wujud* yang dipopularkan oleh Hamzah al-Fansuri itu sangat bercanggah dengan ajaran tasawuf Sunni yang diajarkan oleh Imam al-Ghazali r.a.

Dakwaan yang mengatakan ajaran Sunni yang lebih awal tiba di rantau ini juga sukar diterima; dan kitab *'Aqa'id* oleh Abu Hafs 'Umar Najm al-Din al-Nasafi yang disyarahkan oleh Sa'd al-Din al-Taftazani (m. 791 H./1389 M. yang membawa ajaran Sunni dan didakwa sebagai kitab yang tertua di rantau ini juga tidak dapat diterima.

Walaupun hingga ke saat ini masih belum ada penemuan naskhah-naskhah Melayu baru yang lebih tua daripada *'Aqa'id*, tetapi kerja-kerja menterjemah kitab-kitab Arab ke dalam bahasa Melayu sudah dilakukan lebih awal dari itu. Sebagai contoh, kitab *Durr al-Manzum* karangan Abu Ishaq al-Syirazi sudah diterjemahkan ke bahasa Melayu pada abad ke-15 M. Sebelum itu mungkin banyak lagi kitab-kitab dalam bidang tauhid dan tasawuf telah diterjemah atau disadur ke bahasa Melayu. Ini berdasarkan sejarah pendidikan Islam itu sendiri yang sudah berkembang di Pasai sejak abad 7H./13M. Sama ada kitab-kitab itu masih wujud ataupun tidak bukan menjadi masalah, tetapi yang lebih penting ialah idea dan pemikiran di dalam kitab-kitab tersebut sudah mempengaruhi pemikiran orang Melayu.

Berdasarkan kajian terbaru mendapati bahawa kitab *'Aqa'id* oleh al-Nasafi itu bukanlah kitab tertua atau yang paling awal tiba dan tersebar di Alam Melayu. Sebelum itu sudah terdapat beberapa buah kitab agama yang diajar dan disebarluaskan kepada masyarakat Melayu, termasuklah kitab *Bahr al-Lahut* oleh 'Abdullah 'Arif (pada abad ke-6H./12M.), kitab *Durr al-Manzum* oleh Abu Ishaq (abad 15M.), kitab *Umm al-Bara'in* oleh al-Sanusi (m. 895H./1490M.). Menurut buku *Sejarah Melayu dan Hikayat 'Abdullah*, kedua-dua kitab yang terakhir tadi telah diajarkan di Melaka, Aceh dan Riau. Dan mungkin banyak lagi kitab atau naskhah Arab/Melayu mengenai agama Islam yang lebih tua di rantau ini masih belum ditemui, tetapi yang pasti idea dan pemikirannya telah mempengaruhi kitab-kitab yang dihasilkan selepasnya.

Mengikut data-data sejarah yang diperolehi menunjukkan bahawa ajaran Syi'ah sudah mendahului pengaruh ajaran Sunni. Sebelum ketibaan pengaruh Sunni, mazhab Syi'ah sudah menjadi mazhab rasmi di beberapa buah negara Islam di rantau ini.

## Pengaruh Syi`ah

Pada zaman Rasulullah s.a.w. penyebaran agama Islam tertumpu di kawasan Semenanjung Arab. Hal ini dinyatakan sendiri oleh Ibn Ishaq, al-Baladhuri, al-Tabari dan Ibn Hisyam. Setelah itu, pada zaman Khulafa' al-Rasyidin Islam tersebar ke luar Semenanjung Arab termasuk negeri Iraq, Syam, Mesir dan wilayah-wilayah barat Mesir yang pada ketika itu di bawah pemerintahan Empayar Byzantine, dan wilayah-wilayah timur Iraq yang dikuasai Empayar Sasanian (Parsi). Akan tetapi setelah terdirinya kerajaan Bani Umaiyyah, maka aktiviti dakwah menjadi semakin luas hingga sampai ke Sepanyol dan Itali di sebelah barat dan ke negeri China dan Nusantara di sebelah timur. Proses dakwah cara berangsur-angsur begini memang sudah diajarkan Allah kepada Rasul-Nya sejak dari awal-awal lagi. Pada mulanya Baginda menyebarkan Islam di kalangan kaum keluarganya, setelah itu kepada masyarakat Quraisy di Makkah, dan setelah itu kepada kaum Arab di seluruh pelusuk Semenanjung Arab. Di sebalik kejadian ini tersirat pelbagai hikmah dan pendidikan yang sangat tinggi nilainya. Di antara hikmahnya ialah Allah memberitahu Nabi dan umatnya tentang hakikat agama Islam yang sebenar dan kewajipan serta tanggungjawab mereka untuk menjaga dan menyebarkannya. Umat Islam tidak dituntut menyebarkan Islam secara paksaan atau melalui magis dan kuasa-kuasa ghaib, tetapi secara hikmah, peringatan, nasihat yang baik dan rasional. Ketika menghadapi cabaran dan rintangan, Allah menganjurkan umat Islam supaya bersabar. Apabila umat Islam sudah mampu dan kuat, Allah menganjurkan pula supaya mereka bersiap sedia menentang musuh. Dalam pada itu seruan dakwah tetap diteruskan.

Bagi tujuan dakwah ramai para pendakwah Arab yang berhijrah ke luar, termasuk Nusantara. Menurut al-Nuwairi, di sebelah timur (selatan?) negeri China terdapat sekumpulan bangsa Arab yang terdiri daripada penyokong-penyokong Sayidina `Ali yang lebih dikenali sebagai "Alawiyyin" atau "Syi`ah". Mereka ini tinggal di kepulauan Sila. Mereka datang ke sini oleh dua sebab: pertama kerana mendapat tekanan dan penentangan daripada tentera Bani Umaiyyah (al-Nuwairi, *Nihayah al-`Arab fi Funun al-Adab*, Maktabah Kustatsumas wa syarikah, al-Qahirah, 1923-1955, vol. 1, hlm. 230) dan kedua, kerana menyebarkan Islam menurut fahaman Syi`ah. Menurut Sayid `Alwi bin Tahir al-Haddad, seorang ahli sejarah dan ulama terkenal di rantau ini, yang dimaksudkan dengan Kepulauan Sila itu ialah Kepulauan Sulu, Sulawesi dan Kalimantan di Borneo. Mereka datang ke sini menerusi Campa, Vietnam pada zaman al-Hajjaj bin Yusuf al-Thaqafi (75 H./695 M. - 95H./714 M.), gabenor kerajaan Bani Umaiyyah yang terkenal dengan sifat bengis dan keras terhadap musuh-musuhnya, terutama syi`ah (Sayid `Alwi bin Tahir al-Haddad, *Uqud al-Almas*, Matba`ah al-Madani, al-Qahirah, 1388 H./1968 M., vol. 1, hlm. 144-146 - berdasarkan kitab *Nukhbah al-Dahr* karangan Shams al-Din Abu Abdullah Muhammad al-Ansari. Pendapat ini diperkuatkan lagi dengan kenyataan Thomas Arnold bahawa pada tahun 674 M., iaitu pada zaman pemerintahan Mu`awiyah bin Abi Sufyan yang juga terkenal dengan sifat bengis dan

keras terhadap kaum Syi`ah, terdapat sebuah perkampungan Arab-Islam di sebelah pantai barat Sumatera (Thomas Arnold, *The Preaching of Islam*, Lahor, 1968, hlm. 368). Begitu juga W.P. Groeneveldt melaporkan bahawa tarikh awal ketibaan orang Islam ke rantau Asia Tenggara adalah pada zaman pemerintahan Bani Umaiyyah (W.P. Groeneveldt, *Historical Notes On Indonesia and Malaya Compiled from Chines Sources*, Bhratara, 1960, hlm. 14). Walaupun kedua-dua penulis tadi tidak menyatakan dengan jelas siapakah kaum pendakwah itu, tetapi dari pengalaman tadi dapatlah kita meramalkan bahawa mereka itu juga terdiri daripada pendakwah Syi`ah atau penyokong-penyokong mereka. Perbincangan di bawah akan menjelaskan lagi kedudukan yang sebenarnya.

Menurut Prof. A. Hasjmy ketika mengulas kitab *Izhar al-Haqq* (tanpa menyebutkan nama pengarangnya) mengatakan bahawa di dalam kitab itu ada menyebutkan bahawa pada tahun 800 M. telah sampai serombongan kaum Syi`ah seramai 100 orang di bawah pimpinan Nakhoda Khalifah. Mereka lari ke Nusantara setelah tertewas di tangan tentera Khalifah al-Ma'mun. Setelah itu mereka diarahkan oleh al-Ma'mun supaya berdakwah ke kawasan Nusantara. Sebelum sampai ke Perlak mereka singgah di beberapa buah negeri termasuk negeri Parsi dan India. Beberapa orang pengikut dari Parsi dan India turut belayar ke Nusantara hingga sampai ke Perlak. Dalam tempoh setengah abad sahaja mereka telah berjaya mengislamkan seluruh penduduk Perlak. Salah seorang anggota rombongan itu bernama Muhammad bin Ja`far al-Sadiq telah berkahwin dengan adik raja Perlak. Hasil dari perkahwinan ini telah melahirkan seorang putera bernama Sayid `Abd al-Aziz. Beliau kemudiannya mendirikan sebuah kerajaan Syi`ah di Perlak pada tahun 225 H./840 M. (A. Hasjmy, "Adakah Kerajaan Islam Perlak Negeri Islam Pertama di Asia Tenggara", dalam *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, A. Hasjmy (ed.), Ptalmaarif, Aceh, 1981, hlm. 146-148). Kerajaan Islam Perlak memerintah hingga abad ke-12 M.

Dalam mazhab Syi`ah terdapat banyak aliran, tetapi yang besarnya ialah empat: Zaidiyah, Imamiyah, Isma`iliyah dan Ghulat. Muhammad bin `Alī bin Ja`far al-Sadiq adalah pelopor aliran Imamiyah. Walaupun tiga aliran yang pertama dianggap sederhana dan diterima umum oleh kaum Syi`ah berbanding dengan aliran keempat "puak pelampau" atau disebut juga *Saba'iyah* yang ditaja oleh Abdullah bin Saba', namun kaum Syi`ah keseluruhannya sepakat bahawa Ali bin Abi Talib dianggap Imam suci (*ma'sum*). Bagi puak pelampau Syi`ah pula menganggap Ali sebagai Nabi atau Tuhan. `Abdullah bin Saba' sendiri pernah berkata kepada Ali: "*Anta Allah*" (kamu Allah). Akan tetapi sebilangan besar kaum Syi`ah tidak mengakui akan kewujudan tokoh yang bergelar `Abdullah bin Saba' itu.

## Nur Muhammad

Di antara pengaruh kaum Syi`ah yang paling ketara di dalam pemikiran orang Melayu di Nusantara ialah mengenai teori 'Nur Muhammad' (*al-Nur al-*

*Muhammadi*). Menurut teori ini, sebelum Allah menjadikan sesuatu, Dia menjadikan Nur Muhammad terlebih dahulu. Daripada Nur Muhammadlah terjadi segala makhluk di langit dan di bumi termasuk malaikat, jin, manusia, laut, bumi, bintang, matahari, tumbuh-tumbuhan dan sebagainya. Dengan kata lain, Nabi Muhammad s.a.w. adalah kejadian yang terawal, ia dijadikan sebelum Nabi Adam a.s. lagi. Dalam hal kenabian Baginda adalah Nabi terakhir (*khatam al-nabiyin*). Dengan sebab itu Baginda digelar yang *batin* pada hakikat dan yang *zahir* pada *ma'rifat*.

Selain nama Nur Muhammad disebut juga *Haqiqah Muhammadiyah*. Menurut teori ini, Allah adalah wujud mutlak dan Nur-Nya adalah sebahagian diri-Nya. Ini dinamakan pernyataan pertama dalam *Uluhiyyah* (ketunggalan kekuasaanNya). Pernyataan kedua dalam *Rububiyyah* (ketunggalan mengatur, memelihara kesempurnaan alam). Dari sinilah terjadinya Nur Muhammad (*haqiqah Muhammadiyah*) yang menjadi punca segala kejadian alam. Kejadian yang paling mulia ialah manusia yang sempurna (*insan kamil*). Mereka itu terjadi adalah hasil limpahan *nur* (cahaya) Muhammad. Cahaya itu melimpah dan menitis ke atas para nabi, wali dan Imam-imam Syi'ah. Mereka ini dianggap suci kerana berasal dari nur yang suci iaitu Nur Muhammad, dan Nur Muhammad pula bersifat suci lagi *qadim* kerana ia berpunca dari Nur Allah. Berdasarkan teori inilah, maka kaum Syi'ah menganggap Ali bin Abi Talib dan Imam-imam Syi'ah selepasnya bersifat suci.

Doktrin Nur Muhammad dikatakan berpunca dari Greek dan Parsi. Dari Greek doktrin ini dikaitkan dengan falsafah *emanation* (pancaran) *Neo Platonisme*. Dari Parsi, dikaitkan dengan konsep cahaya menurut ajaran agama Zoroestrian. Menurut agama Zoroestrian *nur* (cahaya) adalah lambang kebaikan. Hasil dari gabungan dua pemikiran tadi, maka lahirlah doktrin Nur Muhammad atau cahaya *qadim* (*primordial light*). Daripada teori inilah timbul pendapat yang menyatakan Imam-imam Syi'ah ma'sum (suci daripada dosa).

Dalam rangka memperkuuhkan kedudukan doktrin Nur Muhammad dan kedudukan Imam-imam Syi'ah, maka banyaklah Hadith-hadith yang diketengahkan ketika membicarakan tentang Nur Muhammad. Terdapat sembilan buah hadis yang dipopularkan oleh kaum Syi'ah tentang Nur Muhammad. Di sini saya hanya sebutkan tiga sahaja daripadanya (hadis-hadis selanjutnya lihat 'Abdullah al-Qari b. Haji Salleh, *Salah Faham Tentang Nur Muhammadi*, Pustaka Asa, Kenali Kelantan, 1989, hlm. 26-43).

Hadis pertama daripada Salman al-Farisi yang mengatakan Rasulullah s.a.w. bersabda:

"Adapun keadaan saya dan `Ali adalah menjadi cahaya di hadapan Allah `azza wajalla di mana kedua-dua cahaya itu sama-sama mentasbihi Allah dan mentaqdiskan-Nya sebelum Adam diciptakan selama 14,000 tahun. Tatkala Adam dicipta, cahaya itu berpindah ke sulbinya, dan sentiasalah ia berkeadaan satu (berkembar), sehingga lah kami berpisah dalam sulbi Abd al-Muttalib: satu bahagian adalah aku dan yang satu lagi adalah `Ali bin Abi Talib".

Hadith kedua daripada Abu Dharr al-Ghfari yang mengatakan Rasulullah s.a.w. bersabda maksudnya:

"Saya dan `Ali diciptakan dari cahaya, dan keadaan kami (pada waktu itu) berada di sebelah kanan arasy, iaitu 2,000 tahun sebelum Allah menjadikan Nabi Adam, setelah itu barulah Nabi Adam dijadikan. Maka berpindah-pindahlah kami dalam tulang-tulang sulbi beberapa orang lelaki. Kemudian kami dijadikan dalam tulang sulbi Abd al-Muttalib; kemudian nama-nama kami dikurniakan daripada nama-Nya di mana Allah itu bernama Mahmud (Yang Maha Disanjung), sedang saya (diberi nama) Muhammad (Yang Terpuji); dan Allah itu bernama Al-`A'la (Yang Maha Tinggi) sedang `Ali diberi nama " `Ali" (Yang Tinggi)".

Hadis ketiga daripada Imam al-Rida yang diterima dari nenek moyang yang memperolehi secara langsung daripada Rasulullah s.a.w. Baginda bersabda:

"Saya (Rasulullah) dan `Ali dicipta dari satu cahaya (nur) sahaja".

Ketiga-tiga hadis yang tersebut di atas dikatakan hadis-hadis *maudu'* (palsu) belaka yang sengaja direka-reka oleh kaum Syi`ah. Hadis pertama menurut al-Sayyid Muhammad syukri al-Alusi adalah hadis *maudu'* berdasarkan ijma` ulama Sunni. Di antara periyawat hadis ini ialah Muhammad bin Khallaf al-Maruzi, dan beliau adalah seorang pendusta. Hadis kedua, menurut al-Jauzi dan Imam al-Syaukani adalah rekaan kaum Syi`ah, di antaranya Ja`far b. Ahmad b. `Ali al-Ghafiqi. Ja`far adalah seorang penganut Syi`ah Rafidi. Hadith kedua menurut Imam al-Dhahabi adalah rekaan Muhammad b. `Umar al-Ja`abi al-Hafiz al-Baghdadi. Menurut beliau, walaupun al-Baghdadi seorang ulama hadis tetapi beliau adalah seorang fasiq (durjana) dan lemah dalam agama; beliau sering mengumpul hadis-hadis luar biasa; dia juga seorang penganut Syi`ah (*Ibid.*, hlm. 30, 35, 41). Hadis-hadismengenai Nur Muhammad banyak disebutkan dalam Muhammad Nafis al-Banjari, *Durr al-Nafis*, al-Qahirah (t.t.); Singapura (diulang cetak), 1928, hlm. 21 - 22).

Ahmad Khatib b. Abd al-Latif al-Minangkabawi dalam kitab *al-Syuminus al-Lami'ah*, menyanggah doktrin Nur Muhammad dengan mengatakan bahawa benda yang pertama dicipta Allah bukanlah Nur Muhammad tetapi " pena" (*qalam*); apabila pena menulis, maka segala makhluk terjadi (*al-Syuminus al-Lami'ah*, Makkah, 1331 H., hlm. 25). Sementara Nur al-Din al-Raniri dalam kitab *Bad' al-Khalq*, mengakui akan wujudnya dua teori kejadian yang tersebut di atas.

Berhubung dengan teori Nur Muhammad yang dipercayai oleh kaum Syi`ah dikatakan berpunca dari ayat al-Qur'an yang bermaksud: "Allah adalah cahaya (*nur*) di langit dan di bumi" (*al-Qur'an*, surah *al-Nur* (24): 35). Mengikut tafsiran Imam al-Ghazali, yang dimaksudkan dengan cahaya (*nur*) itu ialah akal sebagai punca kemajuan dan bukan punca kejadian (Mohd Nor b. Ngah, *Kitab Jawi: Islamic Thought of the Muslim Scholars*, Institute of the Southeast Asian Studies, Singapore, 1983, hlm. 14 memetik dari *Kitab Misykat al-Anwar* dalam `Abdullah Yusuf `Ali, *The Holy Qur'an ...*, 3rd Edition, hlm. 920 - 922). Menurut Ibn Taimiyyah (661/1263-728/1328) seorang tokoh islah yang terkenal terus mengatakan bahawa: "Sesiapa yang mengatakan Nabi Muhammad s.a.w. sudah dilantik menjadi Nabi sebelum diwahyukan adalah kafir dengan *ittifaq* (persetujuan) ulama Muslimin..." (`Abdullah Al-Qari, *op.cit.*, hlm. 19).

Doktrin Nur Muhammad dikatakan berpunca dari ajaran-ajaran yang dibawa oleh tokoh-tokoh tasawuf-falsafah seperti al-Hallaj (m. 922M.) dan al-Bistami (m. 874 M.). Al-Bistami telah memperkenalkan doktrin "*al-Ittihad*" (ertiannya fana atau hancur lebur hingga bersatu dirinya dengan Tuhan), sementara al-Hallaj pula memperkenalkan doktrin "*al-Hulul*" (ertiannya dua hakikat: manusia dan Tuhan meresap dalam satu tubuh). Setelah itu al-Hallaj memperkenalkan pula doktrin Nur Muhammad atau *Haqiqah Muhammadiyah*, sepetimana yang dibincangkan di atas. Sebagai suatu ajaran kosmologi Syi`ah,

doktrin Nur Muhammad telah dicanangkan oleh puak Syi`ah, dan setelah itu dipopularkan oleh penganut-penganut tasawuf sejak abad ke-9 M. (S.H. Nasr, *Ideals and Realities of Islam*, London, 1980, hlm. 161 - 162).

Orang yang pertama bertanggungjawab menyebarkan doktrin ini di Nusantara ialah Syeikh Abdullah Arif. Beliau tiba di rantau ini pada abad ke-12 M dengan mengemukakan kitabnya yang berjudul *Bahr al-Lahut*. Kitab ini yang mengandungi ajaran-ajaran Syi`ah merupakan kitab pertama tiba di rantau ini berasaskan tarikh ketibaan penulisnya pada abad ke-12M.

## Pengaruh Aliran Sunni Dan Tasawuf

Menjelang abad ke-13 M. pengaruh ajaran Syi`ah mula tercabar berikutan ketibaan aliran Sunni atau lebih dikenali sebagai *Ahl al-Sunnah wa al-Jama`ah*. Orang yang bertanggungjawab membawa aliran Sunni ke rantau ini antara lain ialah Syeikh Ismail al-Siddiq. Beliau diutus khas dari Mekah ke Pasai oleh Syarif Mekah yang memerintah di bawah naungan kerajaan Mamluk (Turki) di Mesir. Tujuan beliau dan rombongannya dihantar bukan sahaja untuk mengislamkan raja Pasai, Mirah (Meurah) Silu (nama Islamnya al-Malik al-Salih) sepetimana yang tersebut di dalam buku *Hikayat Raja-raja Pasai*, tetapi juga bertujuan "untuk menukar fahaman mazhab di Pasai kepada mazhab Shafi`i, oleh kerana Pasai pada peringkat awalnya dikatakan telah dipengaruhi oleh aliran Syiah" (Abdul Rahman Haji Abdullah, *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*, Penerbitan Pena, Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1989, hlm. 105). Menurut catatan Ibn Battutah yang melawat Pasai (Perlak) bahawa raja Pasai bernama al-Malik al-Zahir (1326-1350 M.) telah menganut mazhab Syafi`i dan sangat mendalamai bidang Usuluddin (Ibn Battutah, *Rihlah*, Matba`ah al-Istiqamah, al-Qahirah, 1967, vol. 1, hlm. 152). Sejak itu kedudukan pengaruh aliran Sunni dan mazhab Syafi`i semakin bertambah kukuh. Pasai pada ketika itu bukan sahaja menjadi pusat penyebaran agama Islam yang mengirim para pendakwah ke tempat-tempat lain seperti Melaka, Jawa dan Patani, tetapi juga sebagai pusat pengajian ilmu-ilmu Islam. Ramai ulama dari luar dan dalam negeri berkunjung ke situ termasuk bangsa Arab, Parsi dan India bagi menyertai kegiatan keagamaan. Mereka itu kebanyakannya terdiri daripada ulama tasawuf. Selain dari Syeikh Ismail yang disebutkan tadi, turut datang ke rantau ini ialah al-Faqir Muhammad dari India. Beliau datang bersama-sama Syeikh Ismail ke Pasai pada abad ke-13M. Selain dari itu ialah Syeikh Abdullah (531H./1137M.) ke Kedah, Syeikh Saifuddin (Syeikh Said) yang mengislamkan raja Patani. Antara yang bergelar selepas Islam Sultan Muhammad (atau Sultan Ismail); Syeikh Burhanuddin, rakan Abdullah Arif, yang menyebarkan Islam di Minangkabau (Sumatera Barat); Makhdum Sayid `Abd al-Aziz, yang mengislamkan raja Melaka; dan ramai lagi, termasuklah pendakwah-pendakwah yang pergi ke Filipina, Jawa, Borneo dan Riau. Mereka sering menggunakan gelaran "Syeikh", "Sayid", "Makhdum", dan "Faqir". Gelaran-gelaran ini biasanya digunakan oleh ulama tasawuf, kecuali istilah-istilah khusus seperti "Sayid" boleh juga mengertikan keturunan Sayid.

Para pendakwah tersebut bukan sahaja membawa ilmu tetapi juga kitab-kitab agama yang dikarang oleh Ulama luar negeri, terutama dari Asia Barat. Kitab-kitab itu diajar kepada penduduk tempatan. Setelah itu lahir pula ulama tempatan dari seluruh negeri Asia Tenggara. Mereka ini kemudiannya melanjutkan pelajaran ke luar negeri, terutama ke Makkah. Setelah berada berpuluhan-puluhan tahun di luar negeri mereka kembali semula ke negeri masing-masing dan seterusnya mengajar ilmu-ilmu yang mereka pelajari. Bidang-bidang yang mereka terokai ialah tauhid (ilm al-kalam), fekah, tasawuf, hadis, tafsir, sejarah. Tetapi penumpuan mereka ialah kepada tiga bidang sahaja iaitu tauhid yang berlegar di sekitar Sifat Dua Puluhan, fikah dan tasawuf. Perubahan itu berlaku hasil pengaruh Imam al-Ghazali (Virginia Matheson and M.B. Hooker, *op.cit.*, hlm. 35 - memetik pendapat Snouck Hurgronje dalam karyanya, *Mekka*).

Dalam pada itu ilmu tasawuf lebih cepat berkembang kerana ia menyangkut persoalan pemikiran setelah unsur-unsur falsafah diserapkan ke dalamnya. Pasai mempunyai kedudukan istimewa dalam bidang ini dan ulama-ulamanya dijadikan pakar rujuk jika timbul masalah-masalah yang berkaitan dengan tasawuf dan bidang-bidang agama yang lain. Sebagai contoh, disebutkan di dalam buku *Sejarah Melayu* bahawa pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah (1456M. - 1477M.) telah muncul seorang tokoh agama dari Mekah bernama Maulana Abu Bakar dengan sebuah kitab berjudul *Darul Mazlum* (*Durr al-Manzum?*) karangan Abu Ishaq (al-Syirazi), guru kepada Maulana Abu Bakar. Kitab ini mengandungi ajaran tauhid bercampur tasawuf atau dibincang menurut disiplin tasawuf. Tajuk perbahasannya ialah mengenai tiga perkara: *Zat Allah*, *Sifat Allah* dan *Af' al Allah*. Kitab tersebut kemudiannya diserahkan kepada Sultan Melaka. Setelah ditelaah, baginda mendapat kitab itu baik untuk disebarluaskan kepada masyarakat. Justeru itu ia dihantar ke Pasai untuk dierangkan (diterjemahkan). Orang yang dipertanggungjawabkan oleh Sultan Pasai untuk melakukan terjemahan itu ialah Makhsum Patakan. Apabila selesai diterjemah, kitab itu dikirimkan semula ke Melaka. Sultan Mansur Syah dan Maulana Abu Bakar merasa lega dan gembira lalu dihantarkan hadiah berupa emas sepuluh tahil dan dua orang budak perempuan kepada si penterjemah. Setelah kitab itu ditelaah kembali, baginda mendapat beberapa persoalan yang perlu mendapatkan penjelasan daripada ulama Pasai. Soalan yang ditimbulkan ialah apakah penghuni syurga dan neraka akan kekal di dalamnya untuk selama-lamanya? Pada mulanya jawapan yang diberikan adalah berdasarkan ajaran al-Qur'an, tetapi ternyata jawapan itu kurang memuaskan hati Sultan. Setelah itu suatu jawapan khas (esoteric) yang berunsur tasawuf atau falsafah, yakni bukan dalam bentuk Syariah yang berlandaskan nas al-Qur'an (yang tidak dinyatakan) dihantar kepada Sultan. Apabila jawapan itu diterima, maka pihak Sultan dan Maulana Abu Bakar merasa gembira dan lega (*Sejarah Melayu*, hlm. 114-118).

Dari cetera tadi dapatlah dirumuskan bahawa pengaruh aliran Sunni yang banyak berpandukan ajaran al-Qur'an dan sunnah Nabi sudah lama bertapak di

Pasai. Namun begitu, pengaruh aliran-aliran lain yang dibawa oleh golongan mistik falsafah masih kuat terutama di Pasai. Walaupun jawapan yang diberikan oleh ulama Pasai kepada pertanyaan Sultan Melaka itu tidak dijelaskan, tetapi menurut satu kajian lanjut mengenainya menyatakan bahawa jawapan yang diberikan itu adalah berdasarkan ajaran mistik Abd al-Karim al-Jalil (m.805H.) yang mengatakan bahawa penghuni neraka pada akhirnya akan mengalami kehidupan senang di dalamnya (R.A. Nicholson, *Studies in Islamic Mysticism*, Cambridge, 1967, hlm. 136-137). Jawapan yang sedemikian hampir menyerupai ajaran Muhyiddin ibn Arabi (m.638H.) (lihat kitabnya *Fusus al-Hikam*, A.A.Afifi (ed.) al-Qahirah, 1947, hlm. 94) dan juga ajaran yang dibawa oleh Abu al-Hudhail al-'Allaf (m.227M) dari golongan Muktazilah (A.M. al-Ghurabi, *Abu al-Hudhail al-'Allaf*, al-Qahirah, 1949, hlm. 45). Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Daudy dalam bukunya *Allah dan Manusia*, hlm. 28-29 dengan mengatakan: "Kehidupan mistik dan perbahasan esoterik terhadap ajaran agama ... memang merupakan identitas yang menonjol dalam kehidupan keagamaan para ulama Pasai".

Pengaruh ilmu tasawuf bukan sahaja ketara di Pasai tetapi juga di Melaka. Sekali lagi buku Sejarah Melayu menceritakan bagaimana seorang ulama bertaraf kadi begitu terpengaruh dengan ajaran tasawuf. Beliau ialah Kadi Yusof yang menyandang jawatan kadi di Melaka dari keturunan Makhdum (Syeikh yang mengislamkan raja Melaka). Beliau dikatakan telah melihat cahaya mengelilingi Maulana Abu Bakar seperti sumbu dian. Akibat daripada itu beliau kagum dan menganggap Abu Bakar seorang keramat dan terus menyerahkan jawatan kadinya kepada beliau (*Sejarah Melayu*, hlm. 115). Contoh lain yang disebutkan di dalam *Sejarah Melayu* ialah mengenai masalah *Jabariyah* dan *Qadariyah* yang dibahaskan di Melaka pada zaman Sultan Mahmud Syah (1488-1511). Golongan *Qadariyah* (yang mengatakan manusia bertanggungjawab di atas segala perbuatannya dan bukan ditentukan oleh Allah yang diistilahkan dalam bahasa Inggeris pre-will) menuduh golongan Jabariah sebagai kafir. Kata mereka: "Telah kafirlah (orang Jabariyah) yang berkata: "Bahawa Allah Pencipta dan Pemberi rezeki sejak azali". Begitu juga golongan Jabariyah (yang mengatakan manusia tidak berkuasa di atas segala perbuatannya: segala-galanya Allah yang menentukannya, atau disebut pre-destination atau pre-ordained) menuduh golongan Qadariyah sebagai kafir. Kata mereka: "Telah kafirlah (orang Qadariyah) yang berkata: "Bahawa Allah tidak Mencipta dan tidak Memberi rezeki sejak azali". Dalam hal ini sekali lagi ulama Pasai dirujuk untuk mendapatkan kepastian siapakah yang lebih benar Jabariyah atau Qadariyah. Jawapan yang bersifat esoterik juga telah diberikan bagi tujuan untuk menggembirakan Sultan Melaka. Walaupun jawapan yang sebenar tidak dinyatakan, tetapi mengikut pengalaman yang lalu bahawa Sultan Melaka sudah terpengaruh dengan ajaran tasawuf Sunni dan tasawuf Sunni lebih mendekati aliran Jabariyah dari aliran Qadariyah, kerana aliran Qadariyah diikuti oleh puak Muktazilah yang menjadi musuh ketapuak Sunni (lihat *Sejarah Melayu*, hlm. 187-188).

## Faham Wujudiyah

Setelah kira-kira tiga atau empat abad berlangsungnya perkembangan pemikiran tasawuf Sunni yang dianuti oleh pengikut-pengikut Imam al-Ghazali (m. 1111 M.) maka tiba-tiba muncul kuasa baru tasawuf di Aceh pada abad ke-17 M. Yang memerintah Aceh pada ketika itu ialah Sultan Iskandar Muda. Kuasa baru tasawuf di Aceh dipimpin oleh ulama-ulama besar Aceh iaitu Hamzah al-Fansuri dan Syams al-Din al-Sumaterani. Kedua-dua tokoh tersebut mempunyai kedudukan istimewa sebagai mufti kerajaan Aceh. Kedudukan mufti di Aceh pada ketika itu sangat selesa dan istimewa bukan sahaja dalam bidang keagamaan, tetapi juga dalam politik. Beliau ialah orang kedua terpenting selepas Sultan. Kedua-dua tokoh itu telah menganut faham *Wahdah al-Wujud* iaitu suatu fahaman yang mengandung unsur-unsur tasawuf dan falsafah. Walau bagaimanapun, ia bukanlah suatu doktrin baru dalam bidang tasawuf kerana ia sudah diperkenalkan oleh Muhyiddin ibn `Arabi sejak kira-kira tujuh abad yang lalu, dan setelah itu dibawa ke Pasai oleh ulama tasawuf. Akan tetapi kemunculannya pada kali ini telah membawa suatu era baru dalam sejarah perkembangan pemikiran Islam di rantau ini kerana ia benar-benar dapat menanamkan pengaruhnya bukan sahaja di kalangan rakyat jelata, tetapi juga di kalangan pemerintah. Pihak pemerintah telah memberikan sokongan yang kuat terhadap ajaran tersebut sehingga ia dijadikan suatu pegangan rasmi pemerintah (Ahmad Daudy, *op.cit.*, hlm. 33-34).

Ajaran *Wahdah al-Wujud* atau *Wujudiyah* yang disebarluaskan oleh Hamzah al-Fansuri dan Syams al-Din al-Sumaterani itu telah disanggah oleh Nur al-Din al-Raniri melalui teori *Wahdah al-Syuhud* (kesaksian wujud). Akan tetapi nam-paknya sanggahan itu tidak memberikan kesan yang mendalam. Atau dengan kata lain, ia tidak dapat membetulkan penyelewengan yang dilakukan golongan *Wujudiyah* kerana kedua-dua golongan ini berlandaskan ajaran tasawuf Ibn `Arabi. Namun begitu, natijah perbahasan dan polemik di antara kedua-dua golongan tersebut telah menghasilkan suatu perkembangan baru dalam bidang pemikiran, terutama dalam bidang tasawuf.

Pada abad berikutnya iaitu abad ke-18M, menurut R.O. Winstedt para ulama di negeri-negeri Melayu telah kembali kepada tasawuf Sunni al-Ghazali. Beliau berkata demikian berdasarkan penampilan dua buah kitab Imam al-Ghazali iaitu *Lubab Ihya` `Ulum al-Din* dan *Bidayah al-Hidayah*, yang diterjemahkan oleh Syeikh Abd al-Samad al-Palimbani (R.O. Winstedt, *The Malay - A Cultural History*, London, 1961, hlm. 42). Namun begitu, menurut P. Voorhoeve, terjemahan yang dilakukan oleh al-Palimbani adalah terjemahan bebas, yakni tidak terikat seratus peratus kepada isi kanduangan kitab Imam al-Ghazali (P. Voorhoeve, *Encyclopaedia of Islam*, Leiden, 1960, jilid 1, hlm. 92 selepas ini disebut *EI*). Malah beliau sering menggunakan sumber-sumber lain sebagai rujukan termasuk kitab-kitab karangan Abd al-Karim al-Jalil, Ibn `Arabi dan Syams al-Din al-Sumaterani (keterangan lanjut lihat M. Chatib Quzwain, *Mengenai Allah, Suatu Studi Mengenai Ajaran Tasawuf Syaikh `Abdus-Samad*

*Al-Palimbani Ulama Palembang Abad Ke-18 Masehi*, P.T. Bulan Bintang, Indonesia, 1985, hlm. 56, 69, 141 dan lain-lain). Al-Palimbani juga turut memasuki tarekat (*tariqah*) *al-Khalwatiyah* melalui Syeikh Muhammad al-Samman. Orang yang seangkatan dengan beliau ialah Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari (m. 1812). Al-Banjari adalah kawan karib al-Palimbani. Mereka sama-sama belajar di Masjid al-Haram Mekah dan Madinah, dan sama-sama memasuki tarekat *al-Khalwatiyah*. Pendek kata kebanyakan ulama di negeri-negeri Melayu pada ketika itu tidak dapat lari dari pengaruh ajaran tasawuf, termasuklah ulama dari Riau, Pontianak (Kalimantan Barat), Banjarmasin (Kalimantan Selatan). Mereka ini kebanyakannya menuntut ilmu dari Mekah dan memasuki pelbagai tarekat tasawuf. Setelah tamat belajar di Mekah mereka kembali ke tempat masing-masing untuk menyebarkan ilmu agama dan tarekat yang mereka anuti. Selain dari tarekat *al-Khalwatiyah*, beberapa tarekat lain yang popular di rantau ini. Antaranya ialah tarekat *al-Rifa'iyah*, tarekat *al-Syatariyah*, tarekat *al-Qadariyah* dan tarekat *Naqsyabandiyah*. Tarekat *Naqsyabandiyah* menjadi tarekat rasmi negeri Riau (U.U. Hamidy, *Naskhah Melayu Kuno Daerah Riau*, Pekan baru, 1985, Bab 1, hlm. 2).

### **Pemikiran Ulama Melayu**

Penglibatan ulama Melayu Nusantara dalam bidang pemikiran boleh dikatakan hanya terbatas kepada bidang agama kerana pada pandangan mereka ilmu-ilmu bukan bercorak agama tidak penting dipelajari. Tepat, seperti kata Mohd Nor bin Ngah, "Most kitab Jawi define knowledge as "Islamic knowledge" only. Therefore, it is obligatory for every Muslim to learn the Sharī'ah of Islamic Law and know the Essence of Allah and His attributes. This suggests that "worldly knowledge" is not as important" (Mohd Nor bin Ngah, *op.cit.*, hlm. 33). Walau apa bidang agama yang mereka ceburi, disiplin tasawuf tidak dapat dikecualikan sama ada sebagai suatu disiplin ilmu yang dikaji atau yang diamal. Dengan sebab itu kita dapati setiap ulama mempunyai sekurang-kurangnya satu atau lebih tarekat yang mereka pelajari. Oleh kerana penumpuan ilmu tasawuf lebih banyak kepada aspek kerohanian, maka bidang-bidang yang berkaitan dengan urusan kehidupan dunia hampir diabaikan. Sikap negatif ulama tasawuf terhadap kemajuan dan perubahan zaman serta kelekaan mereka memuja tokoh-tokoh tasawuf yang dianggap keramat menyebabkan mereka ditentang oleh golongan *Islah*, reformis, seperti Sayed Syeikh al-Hadi dan Syeikh Tahir Jalaluddin. Akan tetapi oleh kerana tekanan pihak penjajah Inggeris menyebabkan semangat *islah* menjadi pudar di pertengahan abad ke-20. Pada akhir-akhir ini semangat *islah* kembali bertenaga untuk mengembalikan ajaran Islam yang suci menerusi gerakan "Kebangkitan semula Islam".

## Iktibar Untuk Abad Akan Datang

Bagi menghadapi cabaran abad mendatang gagasan "Kebangkitan semula Islam" mesti diteruskan. Bagi memastikan gagasan ini mencapai matlamatnya dicadangkan supaya:

1. Sebarang penyelewengan dalam ajaran agama yang bertentangan dengan akidah mesti dihindarkan. Misalnya arus pemikiran falsafah dalam agama yang dibawa akal yang tidak ada had dan batas yang berkembang dalam agama Hindu telah menyerap masuk ke dalam pemikiran setengah ulama Sufi dan Syiah sehingga terjadilah persamaan taraf antara Tuhan dengan manusia dalam teori *Wahdah al-Wujud* (Ahmad Syalabi, *Muqaranah al-Adyan, Adyan al-Hind al-Kubra*, Maktabah al-Nahdah al-Misriyyah, al-Qahirah, 1964, hlm. 67). Fahaman seperti ini adalah bertentangan dengan ajaran al Qur'an, Firman Allah: "                 " yang bermaksud, "Tidak ada sesuatu yang menyerupai-Nya" (*al-Syura*: 11).
2. Mempelajari dan menguasai bahasa al-Qur'an bagi mendalamai ilmu pengetahuan agama serta membuat penelitian terhadap pemikiran yang terkandung di dalam al-Qur'an dan Hadis. Selama ini kebanyakan ulama di Alam Melayu hanya mempelajari kitab-kitab agama yang disalin dan diterjemah daripada bahasa Arab dan Parsi yang sudah ditentukan arah dan pemikirannya; dan banyak pula yang mengandungi unsur-unsur *israiliyat* (cerita-cerita dongeng yang direka dan diada-adakan oleh golongan Ahl al-Kitab Nasrani dan Yahudi) bagi tujuan menyelewengkan akidah umat Islam. Di antara unsur-unsur *israiliyat* itu termasuklah kisah-kisah keburukan dan kelemahan atau kecacatan para Nabi dan Rasul yang dicatatkan dalam kitab *Qisas al-Anbiya'*.
3. Mempelajari dan menguasai ilmu-ilmu bukan bercorak agama seperti ilmu sains, matematik, perubatan, geografi, sejarah, ekonomi dan lain-lain. Dengan mengetahui ilmu-ilmu tersebut dapat menghindarkan daripada unsur-unsur khurafat dan kepercayaan-kepercayaan karut yang selalu membenggu kehidupan masyarakat Melayu sejak dahulu hingga sekarang. Setakat ini belum ada kitab Jawi yang ditemui mengandungi ilmu-ilmu bukan agama yang dinyatakan di atas, pada hal ilmu-ilmu tersebut sudah berkembang maju di dunia Islam di sebelah barat seperti Sepanyol dan Baghdad sejak berabad-abad yang lalu. Ini sudah tentunya dipengaruhi oleh sistem pendidikan pada waktu itu. Dengan ketiadaan ilmu-ilmu tersebut orang Melayu sering terperangkap dengan unsur-unsur mitos dan khurafat, dan setelah itu terpaksa pula bergantung hidup kepada bangsa-bangsa asing yang menjajah mereka.

Ilmu-ilmu yang dinyatakan di atas mestilah disepadukan dengan ilmu-ilmu agama kerana tanpa persepaduan ini akan berlaku *dikotomi* seperti yang berlaku sejak zaman penjajahan hingga sekarang ini, di mana telah melahirkan *dualisme* dalam sistem pendidikan.

4. Kaum wanita mesti memainkan peranan dalam bidang-bidang yang diperlukan, khususnya dalam bidang intelektual. Di sepanjang sejarah perkembangan pemikiran Islam di Alam Melayu belum ada seorang wanita yang tampil menghasilkan karya yang berbentuk pemikiran: hampir kesemua bidang dimonopoli oleh kaum lelaki. Justeru itu banyak masalah fikah, terutama berhubung nikah kahwin (*munakahat*) dan *mu`amalat* ditafsir mengikut kemahuan dan kefahaman kaum lelaki sahaja; pada hal ada perkara-perkara yang bersangkutan dengan nikah kahwin lebih banyak diketahui oleh kaum wanita daripada kaum lelaki.
5. Ilmu tasawuf yang sudah lama berkembang di rantau ini tidak seharusnya menjadi penghalang kepada kemajuan. Akan tetapi, di sebaliknya, ia harus dilihat sebagai suatu disiplin ilmu yang dapat menyumbang ke arah menghidupkan jiwa dan semangat orang Melayu bagi menghadapi cabaran dan perkembangan dunia semasa. Selama ini arus pemikiran tasawuf seolah-olah telah terhumban jauh ke pinggiran desa yang tidak bermaya serta kehilangan fungsi dan wadah yang sebenar bagi membangunkan masyarakat dan negara.
6. Jadikan agama sebagai pegangan hidup yang sejati. Pengalaman lalu menunjukkan terdapat segolongan manusia yang cuba menjadikan agama sebagai "batu loncatan" bagi mendapatkan pengaruh dan kuasa. Mereka berlagak seperti ulama, tetapi apabila sampai masanya mereka mengambil peluang berbaik-baik dengan pihak istana. Pada ketika itu hidup mereka menjadi lebih selesa kerana sudah diterima sebagai ulama istana. Apabila berada di dalam lingkungan istana, maka hati raja dan pembesar-pembesarnya terpaksa dijaga; setiap permintaannya mesti dipertimbangkan, jika tidak, raja akan murka (lihat contohnya dalam kitab *Hikayat Habib Hasain bin Habib Ahmad al-Qadri* yang disusun oleh Muhammad Zain bin Faqih Jalal al-Din).
7. Masyarakat Melayu, khususnya di kalangan pemimpin, mesti bersatu tanpa mengira mazhab atau ideologi politik. Sejarah telah membuktikan bahawa faktor utama kejatuhan umat Islam adalah disebabkan perpecahan. Dalam konteks Alam Melayu di kalangan ulama dan pemimpin sering berpecah. Justeru tamakkhan pangkat dan kuasa ada pula yang sanggup memihak kuasa asing bagi memerangi bangsanya sendiri yang seagama. Sebagai contoh, ketika

dengan Belanda terdapat pemimpin-pemimpin Melayu memihak kepada tentera Portugis dan Belanda. Sebagai balasannya mereka dianugerahkan gelaran "Sultan". Namun begitu, kuasa politik dan ekonomi Sultan adalah di tangan penjajah. Sultan Pontianak, misalnya hanya diberi gaji bulanan oleh kerajaan Belanda. Samalah keadaannya dengan Sultan-sultan di Tanah Melayu di bawah pemerintahan British dahulu. Pendek kata, kejatuhan kerajaan-kerajaan Islam di rantau ini adalah disebabkan pemimpin-pemimpinnya tidak bersatu, termasuklah pemimpin-pemimpin agama dan politik. Akibatnya, apabila perpecahan berlaku dan Melaka jatuh ke tangan Portugis, maka Tanah Melayu dijajah selama lebih dari empat abad. Dalam tempoh yang begitu lama dijajah, akhirnya pemikiran orang Melayu menjadi beku dan tidak kreatif.

8. Mengadakan hubungan dan kerjasama dengan negara-negara luar, khususnya dengan negara-negara Islam yang lain bagi tujuan pembangunan mental dan fizikal dan penyatuan pemikiran agama dan politik di kalangan umat Islam. Hasil penyatuan ini kelak akan mencetuskan kesatuan dan perpaduan ummah. Inilah wawasan pemikiran Islam yang sebenar.